

**SAMBUTAN MINGGU ARKIB SEDUNIA 2021**  
**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**  
**07 – 11 JUN 2021**

Tema Sambutan Minggu Arkib Sedunia atau *International Archives Week* (IAW) pada tahun ini adalah “*Empowering Archives*” (Memperkasakan Arkib) dan ia diguna pakai oleh institusi Arkib di seluruh dunia. Tema ini ditetapkan oleh *International Council of Archives* (ICA) sebagai badan pengasas **Sambutan Minggu Arkib Sedunia**.

Tema ini memfokuskan kepada tiga (3) perkara utama:

1. Bagaimana arkib memperkasakan akauntabiliti dan ketelusan akses kepada maklumat disamping memelihara hak pengguna.
2. Bagaimana hubungan dan sokongan rakan kerjasama memungkinan kita memperkasakan arkib dan profesion untuk membantu mencapai tujuan dan objektif sambil membantu sektor lain dan masyarakat umum memahami apa yang kita lakukan.
3. Bagaimana teori arkib dan praktikal semasa digunakan untuk menjadikannya lebih pelbagai.

Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) juga tidak ketinggalan untuk bersama-sama menyambut **Sambutan Minggu Arkib Sedunia**. Pustaka mempunyai dua (2) fungsi utama iaitu sebagai sebuah Perpustakaan dan sebagai Repositori Rekod Negeri. Berfungsi sebagai Repositori Rekod Negeri, Pustaka bertanggungjawab dalam memperoleh dan memelihara rekod awam yang dipindah kekal ke Pustaka oleh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Sarawak disamping mendapatkan bahan terbitan yang berkaitan dengan negeri Sarawak. Bersempena dengan sambutan ini, pelbagai inisiatif dan pengisian program telah dirancang dan akan dijalankan menggunakan platform atas talian. Program dan aktiviti ini kelak boleh ditonton di saluran YouTube Pustaka Sarawak di <https://www.youtube.com/user/PustakaSarawak>.

Antara program yang akan dijalankan adalah:

**07 Jun 2021 | 9:00 pagi – 5:00 petang**  
**Pengurusan Rekod dan Arkib di Jabatan Kami**

Video perkongsian daripada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pengalaman bekerjasama dengan Pustaka Negeri Sarawak dalam pengurusan rekod dan arkib di jabatan masing-masing.

**08 Jun 2021 | 9:00 pagi – 11:00 pagi**

**Forum Pengurusan Rekod dan Arkib: Akauntabiliti Dan Ketelusan Maklumat**

Forum ini akan mengupas mengenai topik berkaitan akauntabiliti dan ketelusan maklumat dalam bentuk rekod di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Sarawak. Panel penceramah adalah daripada Pejabat Peguam Besar Negeri, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak.

**09 Jun 2021 | 2:00 petang – 4:00 petang**

**Bicara Santai: Penyampaian Perkhidmatan Rekod dan Arkib Sewaktu Pandemik COVID-19.**

Bicara santai ini memfokuskan kepada bagaimana institusi arkib/jabatan di Malaysia berhadapan dengan situasi pandemik covid-19. Panel penceramah adalah daripada Arkib Negara Malaysia, Arkib Negeri Sabah dan Pustaka Negeri Sarawak.

**10 Jun 2021 | 2:00 petang – 4:00 petang**

**Bual Bicara: Prospek Kerjaya Dalam Bidang Pengurusan Rekod Dan Arkib**

Sesi perkongsian bersama panel jemputan berkenaan dengan prospek kerjaya di dalam bidang pengurusan rekod dan arkib. Panel penceramah adalah Cik Suhaida Halamy, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat (UiTM) dan Encik Adly Izmal, *Archiving Specialist* (ADNOC Drilling).

**11 Jun 2021 | 10:00 pagi**

**Lawatan Secara Maya ke Repositori Rekod Negeri**

Jika anda belum pernah melawat Repositori Rekod Negeri, jangan lepaskan peluang menyertai lawatan secara maya ke Repositori Rekod Negeri!

Untuk keterangan lanjut mengenai program sempena **Sambutan Minggu Arkib Sedunia**, sila berhubung dengan pegawai rujukan di Repositori Rekod Negeri di talian 082 – 440 488 / 019 – 882 6966 atau e-mel [statedepository@sarawak.gov.my](mailto:statedepository@sarawak.gov.my).

[#pustakanegerisarawak](#)

[#sarawakstatelibrary](#)

[#depositorirekodnegeri](#)

[#staterecordrepository](#)

[#IAW2021](#)

[#EmpoweringArchives](#)